

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENUTUP KURSUS PENYELIA KANAN (KPK) SIRI 232/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5636-majlis-penyampaian-sijil-dan-penutup-kursus-penyelia-kanan-kpk-siri-232-19

SUBANG, 12 Nov 19 - Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup Kursus Penyelia Kanan (KPK) Siri 230/19 telah disempurnakan oleh Asisten Pengarah Pembangunan Sumber Manusia, Kol Nazaruuddin bin Haron TUDM bertempat di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR).

Seramai 119 orang pelatih daripada pelbagai Tred telah menamatkan kursus ini dengan jayanya. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan seorang PTTK yang berilmu, berupaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cekap serta sempurna sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkannya selain menjadi pra syarat untuk dinaikkan pangkat ke Pemangku Sarjan Udara

Turut hadir Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai dan jurulatih INSTAR.

